

25/03/1998

Nokia mohon status MSC

KUMPULAN Nokia memohon status Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk membolehkannya mengusahakan set telefon bimbit generasi masa depan yang menyediakan laluan Internet, kata Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Jorma Ollila.

Beliau berkata, Nokia, yang mana adalah anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC, akan mengendalikan projek menggabungkan kecekapan telefon bimbit dengan video bergerak serta menggunakan laluan Internet berkelajuan tinggi.

"Kami merancang untuk menubuhkan operasi kami di Malaysia sebagai pusat bagi pakej perkhidmatan perisian di kawasan ini," katanya kepada pemberita selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur, minggu lalu.

(END)